


KANDUNGAN



Rekod Pentaksiran Murid

iv - vi

UNIT 1	Pembentukan Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 1	Nota / Praktis	1
UNIT 2	Negeri-negeri di Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 2	Nota / Praktis	10
UNIT 3	Rukun Negara	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 3	Nota / Praktis	19
UNIT 4	Kaum di Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 4	Nota / Praktis / Bonus PdPc	28
UNIT 5	Agama dan Kepercayaan	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 5	Nota / Praktis	37

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

46

UNIT 6	Perayaan Masyarakat di Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 6	Nota / Praktis / Bonus PdPc	53
UNIT 7	Pemimpin Negara Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 7	Nota / Praktis / Bonus PdPc	62
UNIT 8	Kemajuan Ekonomi Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 8	Nota / Praktis	71
UNIT 9	Sukan Kebanggaan Malaysia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 9	Nota / Praktis / Bonus PdPc	80
UNIT 10	Malaysia dan Dunia	• Revisi Modul • Modul PBD • Praktis Sumatif 10	Nota / Praktis / Bonus PdPc	89

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

98

Jawapan

J1 - J10

REKOD PENTAKSIRAN MURID

Sejarah Tahun 6




Nama Guru: Nama Murid: Kelas:

Unit	Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman	Pencapaian	
				Menguasai	Belum Menguasai
NEGARA MALAYSIA					
1 Pembentukan Malaysia	1	Memerihalkan pembentukan Malaysia	2		
	2	Menerangkan pembentukan Malaysia	3		
	3	Menjelaskan pembentukan Malaysia dengan contoh	4, 5		
	4	Menganalisis pembentukan Malaysia	6		
	5	Menilai kepentingan pembentukan Malaysia	7		
	6	Menjana idea ke arah pengukuhan negara	7		
2 Negeri-negeri di Malaysia	1	Memerihalkan negeri-negeri di Malaysia	11		
	2	Menerangkan negeri-negeri di Malaysia	12		
	3	Menjelaskan negeri-negeri di Malaysia dengan contoh	13		
	4	Menganalisis keunikan negeri-negeri di Malaysia	15		
	5	Menilai kemakmuran negeri-negeri di Malaysia	14		
	6	Menjana idea untuk mengukuhkan kerjasama antara negeri-negeri di Malaysia	16		
3 Rukun Negara	1	Memerihalkan tentang Rukun Negara	20		
	2	Menerangkan tentang Rukun Negara	21		
	3	Menjelaskan Rukun Negara dengan contoh	22		
	4	Menganalisis matlamat dan prinsip Rukun Negara	23		
	5	Menilai kepentingan matlamat dan prinsip Rukun Negara	24		
	6	Menjana idea untuk mengekalkan perpaduan melalui Rukun Negara	25		

KITA RAKYAT MALAYSIA					
4 Kaum di Malaysia	1	Memerihalkan kaum di Malaysia	29		
	2	Menerangkan kaum di Malaysia	30		
	3	Menjelaskan kaum di Malaysia dengan contoh	31		
	4	Mencirikan kepelbagaian kaum di Malaysia	32		
	5	Menilai kepentingan keunikan kepelbagaian kaum di Malaysia	33		
	6	Menjana idea mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia	34		
5 Agama dan Kepercayaan	1	Memerihal agama dan kepercayaan di Malaysia	38		
	2	Menerangkan agama dan kepercayaan di Malaysia	39		
	3	Menjelaskan agama dan kepercayaan di Malaysia dengan contoh	40		
	4	Menganalisis kepelbagaian agama dan kepercayaan di Malaysia	42		
	5	Menilai kepentingan keunikan kepelbagaian agama dan kepercayaan di Malaysia	41		
	6	Menjana idea kepentingan mengamalkan agama dan kepercayaan ke arah keharmonian di Malaysia	43		
6 Perayaan Masyarakat di Malaysia	1	Memerihalkan perayaan masyarakat di Malaysia	54		
	2	Menerangkan perayaan masyarakat di Malaysia	55		
	3	Menjelaskan perayaan masyarakat di Malaysia dengan contoh	56		
	4	Menganalisis perayaan masyarakat di Malaysia	57		
	5	Menilai keunikan perayaan masyarakat di Malaysia	58		
	6	Menjana idea mengeratkan perpaduan melalui kepelbagaian perayaan masyarakat di Malaysia	59		
PENCAPAIAN DAN KEBANGGAAN NEGARA					
7 Pemimpin Negara Malaysia	1	Memerihalkan pemimpin negara di Malaysia	63		
	2	Menerangkan pemimpin negara di Malaysia	64		
	3	Menjelaskan pemimpin negara di Malaysia dengan contoh	65		

	4	Menganalisis sumbangan pemimpin negara di Malaysia	66		
	5	Menilai gaya kepemimpinan pemimpin negara di Malaysia	67		
	6	Menjana idea melahirkan pemimpin negara pada masa hadapan	68		
8 Kemajuan Ekonomi Malaysia	1	Memerihalkan kemajuan ekonomi di Malaysia	72		
	2	Menerangkan kemajuan ekonomi di Malaysia	73		
	3	Menjelaskan kemajuan ekonomi di Malaysia dengan contoh	74		
	4	Menganalisis sumbangan kemajuan ekonomi di Malaysia	75		
	5	Menilai kemajuan ekonomi di Malaysia	76		
	6	Menjana idea meningkatkan ekonomi negara ke arah pembangunan berterusan	77		
9 Sukan Kebanggaan Malaysia	1	Memerihalkan pencapaian sukan yang membanggakan Malaysia	81		
	2	Menerangkan pencapaian sukan yang membanggakan Malaysia	82		
	3	Menjelaskan pencapaian sukan yang membanggakan dengan contoh	83		
	4	Memperincikan sumbangan pencapaian sukan yang membanggakan Malaysia	85		
	5	Menilai kepentingan sukan yang menjadi kebanggaan di Malaysia	84		
	6	Mencadangkan idea meningkatkan kemajuan sukan yang berterusan di Malaysia	86		
10 Malaysia dan Dunia	1	Memerihalkan hubungan Malaysia dan dunia	90		
	2	Menerangkan hubungan Malaysia dan dunia	91		
	3	Menjelaskan hubungan Malaysia dan dunia dengan contoh	92		
	4	Menganalisis sumbangan Malaysia di peringkat antarabangsa	93		
	5	Menilai kepentingan hubungan Malaysia dan dunia	94		
	6	Mencadangkan idea mengukuhkan hubungan Malaysia dan dunia	95		

Pembentukan Malaysia




Revisi Modul



Nota
Tokoh yang Terlibat dalam
Pembentukan Malaysia

Siapakah yang mengemukakan idea pembentukan Malaysia pada tahun 1955?



Idea pembentukan Malaysia

- Lord Brassey (1887) – Mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.
- Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aminurrashid (1938) – Idea penggabungan melalui konsep Melayu Raya.
- Malcolm MacDonald (1951) – Mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan dengan idea penggabungan.
- Tunku Abdul Rahman (1955) – Mencadangkan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

Sebab-sebab pembentukan Malaysia

- Menjamin keselamatan negara.
- Mencapai keseimbangan kaum.
- Mempercepat kemerdekaan.
- Membangunkan sosioekonomi.

Langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia

27 Mei 1961	Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.
Julai 1961	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak untuk menerangkan idea pembentukan Malaysia kepada pemimpin tempatan.
23 Julai 1961	Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) tubuhkan untuk meyakinkan pemimpin Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.
17 Januari 1962	Pembentukan Suruhanjaya Cobbold bagi mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.
21 Jun 1962	Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu. Dua pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong.
30 Ogos 1962	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) mengadakan mesyuarat. JAK menyediakan rangka perlembagaan bagi melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.
1 September 1962	Referendum diadakan di Singapura. Keputusannya, rakyat Singapura bersetuju dengan pembentukan Malaysia.
9 Julai 1963	Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London.
12 Ogos 1963	PBB menubuhkan United Nations Malaysia Mission (UNMM) untuk mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah.
16 September 1963	Pemasyhuran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan City Hall, Singapura.

Cabaran ke arah pembentukan Malaysia

- Sarawak United People's Party (SUPP) menolak rancangan pembentukan Malaysia.
- SUPP mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri yang terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.
- Indonesia telah mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia dari tahun 1963 hingga tahun 1966.
- Indonesia menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.
- Filipina pula mendakwa Sabah menjadi sebahagian daripada wilayahnya.



MODUL PBD 1.1 Idea dan Sebab-sebab Pembentukan Malaysia

Buku Teks: 4 – 7

SP 10.1.1 Menyatakan idea pembentukan dan sebab-sebab pembentukan Malaysia

I. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. SP 10.1.1 TP 1

(a) Idea awal pembentukan Malaysia dicadangkan oleh Pengarah Syarikat Borneo Utara British (SBUB), iaitu Lord Brassey.



(b) Lord Brassey mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat.



(c) Tokoh-tokoh tempatan seperti Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aminurrashid mencadangkan idea penggabungan melalui konsep Persekutuan.




(d) Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan dengan pembentukan Malaysia.



(e) Tunku Abdul Rahman mencadangkan pembentukan Malaysia pada tahun 1955.



(f) Menurut idea pembentukan Malaysia 1955, Sarawak, Sabah, Singapura dan Indonesia bakal digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu.



TAHAP PENGUASAAN (✓)



2. Lengkapkan dialog berikut dengan jawapan yang betul. SP 10.1.1 TP 2



Kawan-kawan, pembentukan Malaysia telah dikemukakan oleh pemimpin tempatan dan pihak British. Bolehkah kamu jelaskan sebab-sebab pembentukan Malaysia?

Pembentukan Malaysia dapat (a) menjamin keselamatan negara.

Ancaman komunis yang dihadapi oleh Singapura dan Sarawak dapat dibendung melalui pembentukan Malaysia.

Pembentukan Malaysia juga mampu (b) mempercepat kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura, dan Brunei.



Selain itu, pembentukan Malaysia dapat (c) mencapai keseimbangan kaum melalui penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei.

Pembentukan Malaysia juga akan (d) membangunkan sosioekonomi. Penggabungan ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

MODUL PBD 1.2 Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia

Buku Teks: 8 – 9

SP 10.1.2 Menerangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia

3. Lengkapkan garis masa berikut bagi menerangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia. SP 10.1.2 TP 3



TAHAP PENGUASAAN (✓)



Video



Suruhanjaya Cobbold

MODUL PBD 1.3**Tokoh dan Negeri yang Terlibat dalam Pembentukan Malaysia**

Buku Teks: 10 – 13

SP 10.1.3 Menjelaskan tokoh-tokoh dan negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia

4. Nyatakan peranan tokoh berikut dalam pembentukan Malaysia. SP 10.1.3 TP 3

Tokoh	Peranan
(a) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	(i) Pemimpin <u>United Malays National Organisation (UMNO)</u> . (ii) Mengetuai perwakilan Persekutuan Tanah Melayu dalam <u>Perjanjian Malaysia</u> di London.
(b) Tun Muhammad Fuad Stephens	(i) Pemimpin <u>United National Kadazan Organization (UNKO)</u> . (ii) Mencadangkan penubuhan <u>Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)</u> untuk menjayakan rancangan pembentukan Malaysia.
(c) Tan Sri Wong Pow Nee	(i) Pemimpin <u>Malayan Chinese Association (MCA)</u> . (ii) Wakil Persekutuan Tanah Melayu dalam <u>Suruhanjaya Cobbold</u> .
(d) Tun Datu Mustapha Datu Harun	(i) Pemimpin <u>United Sabah National Organisation (USNO)</u> . (ii) Memberikan penjelasan tentang pembentukan Malaysia kepada <u>penduduk Sabah</u> .
(e) Lee Kuan Yew	(i) Pemimpin <u>People's Action Party (PAP)</u> . (ii) Menyokong pembentukan Malaysia bagi membendung <u>ideologi komunis</u> di Singapura.



TAHAP PENGUASAAN (✓)

1



2



3



4



5



6





MODUL PBD 1.4 Cabaran ke Arah Pembentukan Malaysia

Buku Teks: 16

- SP 10.1.4** Menghuraikan cabaran ke arah pembentukan Malaysia
SP K10.1.7 Menghuraikan kepentingan mengekalkan kemakmuran dan perpaduan di Malaysia

5. Buat analisis tentang cabaran yang dihadapi dalam usaha merealisasikan pembentukan Malaysia. **SP 10.1.4** **TP 4**

Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara

- (a) Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara kita telah berusaha meyakinkan masyarakat tentang tujuan pembentukan Malaysia.

Sarawak United People's Party (SUPP)

- (b) Sarawak United People's Party (SUPP) menolak rancangan pembentukan Malaysia kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri yang terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Indonesia

- (c) Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia kerana mengganggu pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.

Filipina

- (d) Filipina menentang pembentukan Malaysia kerana mendakwa Sabah merupakan sebahagian daripada wilayahnya.

6. Secara berkumpulan, jawab soalan-soalan berikut. Kemudian, laporkan hasil perbincangan tersebut. **SP K10.L.7** **TP 5** **TP 6** **PAK21** Pasangan Bual

(a) Apakah iktibar yang diperoleh daripada pembentukan Malaysia?



KBAT

Menilai

- (i) Permuafakatan antara pemimpin negara membawa kejayaan.
- (ii) Sistem demokrasi diamalkan.
- (iii) Kebijaksanaan pemimpin mengatur strategi berjaya menjamin keamanan negara.
- (iv) Membentuk perpaduan kaum.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

(b) Jelaskan kepentingan mengekalkan kemakmuran dan perpaduan kaum di Malaysia.



KBAT

Menilai

- (i) Program pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.
- (ii) Taraf hidup rakyat dapat dipertingkatkan.
- (iii) Matlamat pembentukan Malaysia tercapai.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan negara kita.



KBAT

Mencipta

- (i) Pemimpin berwawasan.
- (ii) Rakyat menguatkan jati diri.
- (iii) Memelihara kedaulatan negara.
- (iv) Mengeratkan perpaduan kaum.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)



Pendidikan Sivik



Nilai Teras : Kegembiraan

Tajuk : Semangat patriotik

Konteks : Diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan global

Literasi Sivik : Pengetahuan - Memberi contoh cara menyemarakkan semangat patriotik.

Aktiviti

- Murid berada dalam kumpulan masing-masing.
- Setiap kumpulan berbincang tentang cara-cara menyemarakkan semangat patriotik serta mencari satu lirik lagu patriotik dalam Internet.
- Setiap kumpulan menyanyikan lagu patriotik dengan penuh semangat.

TAHAP PENGUASAAN (✓)



Tandatangan Guru: _____

Tarikh: _____

PRAKTIS SUMATIF 1

Bahagian A

1. Maklumat berikut berkaitan dengan idea pembentukan Malaysia.

Buku
Teks
ms. 5

Penggabungan Negeri-negeri Melayu, Sarawak, Sabah dan Negeri-negeri Selat.

Siapakah yang mencadangkan idea tersebut?

- ☒ A Lord Brassey
- ☐ B Ibrahim Haji Yaakob
- ☐ C Malcolm MacDonald
- ☐ D Tunku Abdul Rahman

2. Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui pembentukan Malaysia?

Buku
Teks
ms. 7

- ☒ A Mempercepat kemerdekaan
- ☐ B Mengekalkan kedaulatan
- ☐ C Mengusir kuasa penjajah
- ☐ D Memonopoli perdagangan

3. Siapakah tokoh yang mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia?

Buku
Teks
ms. 8

- ☐ A Tun Abdul Razak Hussein
- ☐ B Tun Dr. Ismail Abdul Rahman
- ☐ C Tun Muhammad Ghazali Shafie
- ☒ D Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

4. Antara berikut, pihak manakah yang menyakinkan pemimpin tempatan tentang pembentukan Malaysia?

Buku
Teks
ms. 8

- ☐ A Referendum Singapura
- ☐ B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- ☐ C United Nations Malaysia Mission
- ☒ D Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia

5. Mengapakah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membentuk United Nations Malaysia Mission (UNMM)?

Buku
Teks
ms. 9

- ☐ A Permintaan kerajaan British
- ☐ B Mendapat pengiktirafan PBB
- ☒ C Mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah
- ☐ D Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah

6. Tokoh berikut terlibat dalam pembentukan Malaysia.

Buku
Teks
ms.
12-13

- Tun Muhammad Ghazali Shafie
- Tan Sri Wong Pow Nee

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- ☐ A Mengadakan rundingan di London
- ☒ B Menganggotai Suruhanjaya Cobbold
- ☐ C Mengetuai Jawatankuasa Antara Kerajaan
- ☐ D Membentuk Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia

7. Mengapakah Filipina menentang pembentukan Malaysia?

Buku
Teks
ms. 16

- ☐ A Menceroboh sempadan wilayah
- ☐ B Mengancam kedudukan negaranya
- ☒ C Mendakwa Sabah sebahagian daripada wilayahnya
- ☐ D Membentuk persekutuan dengan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara

8. Apakah faktor-faktor yang menjayakan pembentukan Malaysia?

- I Bijak merancang strategi
 - II Syarat-syarat munasabah
 - III Kerjasama dengan British
 - IV Permuafakatan antara pemimpin
- | | |
|---|------------------------------------|
| ☐ A I dan II | ☐ C II dan III |
| ☒ B I dan IV | ☐ D III dan IV |

Bahagian B

I. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. TP 2

Buku
Teks
ms. 8-9

- (a) Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura. ☒
- (b) JSKM ditubuhkan untuk mendapatkan reaksi penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia. ☒
- (c) Laporan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan dua pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia. ☒
- (d) Mesyuarat JAK memutuskan agar referendum diadakan di Singapura pada 1 september 1962. ☒
- (e) United Nations Malaysia Mission (UNMM) ditubuhkan oleh PBB untuk mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah. ☒

[5 markah]

Bahagian C

I. (a) Senaraikan **dua** tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia. TP 2

Buku
Teks
ms. 10-13

- (i) Tunku Abdul Rahman / Tun Abdul Razak Hussein / Tun Muhammad Ghazali Shafie
- (ii) Tun V.T. Sambanthan / Tun Datu Mustapha Datu Harun / Lee Kuan Yew

[2 markah]


- (b) Pada pendapat kamu, mengapakah pemimpin kita memilih kaedah rundingan ke arah pembentukan Malaysia?  KBAT Menilai

- (i) Dapat menyalurkan maklumat dengan lebih berkesan.
- (ii) Mendapat pandangan daripada pelbagai pihak.
- (iii) Memelihara kepentingan bersama.
- (iv) Mengamalkan demokrasi.

[3 markah]



Agama dan Kepercayaan




Revisi Modul



Nota
Agama di Malaysia

Apakah fungsi rumah ibadat?



Agama di Malaysia

- | | |
|---|---|
| • Agama Islam – Kitab suci al-Quran dan Hadis | • Agama Sikh – Kitab suci Sri Guru Granth Sahib |
| • Agama Kristian – Kitab suci Bible | • Ajaran Konfusius – Buku Analek |
| • Agama Buddha – Kitab suci Tipitaka | • Ajaran Tao – Buku Tao Te Ching |
| • Agama Hindu – Kitab suci Veda | |

Kepercayaan masyarakat Orang Asli

- Upacara Puja Pantai diadakan oleh suku Mah Meri di Pulau Carey untuk mendapatkan perlindungan dan pengampunan daripada semangat laut.
- Mempercayai kuasa jahat menyebabkan penyakit.
- Upacara ritual diadakan oleh suku Temiar dan suku Semai bagi menghalau kuasa jahat.

Kepercayaan masyarakat di Sabah dan Sarawak

- Masyarakat Iban mempercayai petara (dewa) menyampaikan alamat melalui mimpi.
- Masyarakat Bisaya di Sarawak yang bekerja sebagai petani mempercayai kuasa ghaib.
- Masyarakat Bajau menjalankan upacara Ngeduang.
- Masyarakat Kadazandusun mempercayai Kinorohingan.

Kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

- Termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.
- Agama Islam merupakan agama Persekutuan.
- Sebarang perubahan perlu mendapat titah perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu.

Kedudukan agama lain dalam Perlembagaan Persekutuan

- Termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.
- Setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing serta menguruskan hal ehwal agama sendiri.

Rumah ibadat di Malaysia

- | | |
|------------------------------|-------------------------------------|
| • Masjid – Agama Islam | • Gereja – Agama Kristian |
| • Tokong/ wat – Agama Buddha | • Kuil – Agama Hindu |
| • Gurdwara – Agama Sikh | • Tokong – Ajaran Konfusius dan Tao |



MODUL PBD

5.1

Agama dan Kepercayaan di Malaysia

Buku Teks: 78 – 83

SP 11.2.1 Menyatakan pelbagai agama dan kepercayaan masyarakat di Malaysia

I. Padankan agama dan ajaran berikut dengan huraiananya. SP 11.2.1 TP I



TAHAP PENGUASAAN (✓)






2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan dengan kepercayaan masyarakat di Malaysia. SP 11.2.1 TP 2

Bisaya	ritual	Magavau	tetamu	semangat laut
Kinorohingan	penyakit	Bajau	Lemambang	badan pesakit

- (a) Masyarakat Kadazandusun percaya kepada Kinorohingan.
- (b) Masyarakat Kadazandusun juga percaya kepada semangat padi dengan menjalankan upacara Magavau.
- (c) Melalui upacara Ngeduang, keluarga si mati menjamu makanan kepada tetamu sebagai sedekah.
- (d) Upacara Puja Pantai dilakukan oleh Orang Asli suku Mah Meri bagi mendapatkan perlindungan daripada semangat laut.
- (e) Semasa membuka kawasan pertanian baharu, masyarakat Bisaya membaca jampi mantera untuk mengelakkan gangguan kuasa ghaib.
- (f) Masyarakat Bajau di bahagian pantai timur mengadakan upacara Mag'ombo.
- (g) Orang Asli suku Semai mengadakan upacara ritual bagi menghalau kuasa jahat.
- (h) Masyarakat Iban mengadakan upacara Miring yang dilakukan oleh Lemambang.
- (i) Masyarakat Bisaya menjalankan upacara Tamarok bagi menghalau kuasa ghaib daripada badan pesakit.
- (j) Masyarakat Orang Asli percaya bahawa penyakit disebabkan oleh kuasa jahat.



Praktis
Ekstra 5.1

TAHAP PENGUASAAN (✓)



MODUL PBD 5.2 Agama Islam dalam Perlembagaan

Buku Teks: 84

SP 11.2.2 Menyatakan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. SP 11.2.2 TP 3**Agama Islam dalam Perlembagaan**

Agama Islam diakui sebagai agama Persekutuan setelah (a) memorandum dihantar kepada Suruhannya Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan termaktub dalam (b) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3 (1)

Islam merupakan agama bagi (c) Persekutuan. Namun, agama lain boleh diamalkan dengan (d) aman dan damai.

Perkara 3 (2)

Selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, (e) Raja berperanan sebagai Ketua Agama Islam di (f) negerinya.

Perkara 3 (3)

Kedudukan (g) Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam termaktub dalam perlembagaan negeri (h) Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Perkara 3 (5)

(i) Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan (j) Wilayah Persekutuan Labuan.

TAHAP PENGUASAAN (✓)

1



2



3



4



5



6



**MODUL PBD 5.3****Kedudukan Agama Lain dalam Perlembagaan**

Buku Teks: 85

SP 11.2.3 Menyatakan kedudukan agama lain dalam perlembagaan**SP K11.2.7** Menghuraikan kepentingan menghormati kepelbagaian agama dan kepercayaan bagi mewujudkan perpaduan**4. Jawab soalan-soalan berikut.** **SP 11.2.3** **SP K11.2.7** **TP 5**

(a) Jelaskan kedudukan agama lain dalam Perlembagaan negara.

Perlembagaan Persekutuan	
→	Perkara 11 (1) Tiap-tiap orang berhak (i) _____ menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk pada fasal (4) mengembangkannya. _____ _____
	Perkara 11 (3) (a) Tiap-tiap kumpulan agama berhak (ii) _____ menguruskan hal ehwal agamanya sendiri. _____ _____

(b) Mengapakah kita perlu menghormati amalan beragama kaum lain?

**KBAT** Menilai(i) Mengeratkan silaturahmi.

_____(ii) Mengelakkan perselisihan / perbalahan.

_____(iii) Menjamin keamanan / keharmonian kaum.

_____(iv) Amalan ibadat dapat dilakukan tanpa gangguan.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

**TAHAP PENGUASAAN (✓)****1****2****3****4****5****6**



MODUL PBD 5.4 Rumah Ibadat di Malaysia

Buku Teks: 86 – 88

- SP 11.2.4** Menyenaraikan nama rumah-rumah ibadat di Malaysia
SP K11.2.5 Menyatakan kepentingan memahami adab ketika berada di rumah ibadat
SP K11.2.6 Menghubungkan kepentingan amalan agama dan kepercayaan dalam kehidupan

5. Lengkapkan maklumat berkaitan dengan rumah ibadat berikut. **SP 11.2.4** TP 4 **KBAT** Menganalisis

(a) Masjid Negara,
Kuala Lumpur

- (i) Penganut: Agama Islam
(ii) Tahun dibina: 1963 (dibina), 1965 (dirasmii)
(iii) Keistimewaan: Berasaskan gabungan ciri moden, Islam dan tempatan serta boleh menampung 15 000 jemaah.

(b) Wat Boonyaram
Padang Sera,
Kedah

- (i) Penganut: Agama Buddha
(ii) Tahun dibina: 1932
(iii) Keistimewaan: Antara wat terbesar di Kedah dan merupakan rumah ibadat masyarakat Siam di Kedah dan Perlis.

(c) Gereja St. Michael,
Sabah

- (i) Penganut: Agama Kristian
(ii) Tahun dibina: 1893
(iii) Keistimewaan: Gereja tertua di Sabah dan gereja granit tertua di Malaysia.

(d) Wadda Gurdwara
Sahib, Pulau Pinang

- (i) Penganut: Agama Sikh
(ii) Tahun dibina: 1901
(iii) Keistimewaan: Berasaskan seni bina Moor dan moden serta dijadikan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan.

(e) Kuil Arulmigu Sri
Rajakaliamman,
Johor

- (i) Penganut: Agama Hindu
(ii) Tahun dibina: 1922, 1996 (dibina semula daripada kaca)
(iii) Keistimewaan: Tercatat dalam Malaysia Books of Records sebagai kuil kaca pertama dan hanya satu terdapat di Malaysia.



6. Bentuk suasana kafe di dalam kelas. Secara berkumpulan, jawab soalan-soalan berikut. Kemudian, bentangkan hasil dapatan di hadapan kelas. SP K11.2.5 SP K11.2.6 TP 6 **PAK21** Kafe

(a) Jelaskan kepentingan memahami adab ketika berada di rumah ibadat. **KBAT** Menilai

(i) Saling menghormati antara satu sama lain.

(ii) Tidak mengganggu orang yang sedang beribadat.

(iii) Menghormati peraturan / fungsi rumah ibadat.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

(b) Huraikan kepentingan mengamalkan agama dan kepercayaan dalam kehidupan.


(i) Menjadi insan yang baik / bersahsiah mulia. **KBAT** Menilai

(ii) Menjamin keamanan dan kesejahteraan.

(iii) Menghormati / tidak memandang rendah kepada agama lain.

(iv) Mempunyai matlamat hidup.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)



Pendidikan Sivik

Nilai Teras : Hormat-menghormati

Tajuk : Hormat kepelbagaian agama, budaya dan etnik di Malaysia

Konteks : Diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan global

Literasi Sivik : Pengetahuan - Menghuraikan kepentingan kepelbagaian budaya, etnik dan agama.

Aktiviti

- Murid berada dalam kumpulan masing-masing.
- Setiap kumpulan perlu mencari maklumat berkaitan dengan agama, budaya dan etnik di Malaysia.
- Hasil tersebut dibuat dalam bentuk buku skrap.

TAHAP PENGUASAAN (✓)



PRAKTIS SUMATIF 5

Bahagian A

1. Apakah yang dipercayai oleh penganut agama Hindu?

Buku
Teks
ms. 79

- ☒ A Hukum Karma
- ☐ B Hidup sesudah mati
- ☐ C Sifat berperikemanusiaan
- ☐ D Keharmonian hidup dengan alam semesta

2. Siapakah yang melakukan aktiviti keagamaan di gereja pada hari Ahad?

Buku
Teks
ms. 78

- ☐ A Penganut agama Sikh
- ☐ B Penganut agama Hindu
- ☒ C Penganut agama Kristian
- ☐ D Penganut agama Buddha

3. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan agama Buddha?

Buku
Teks
ms. 79

- ☒ A Berasaskan Empat Kebenaran Mulia
- ☐ B Menekankan prinsip moral seperti perikemanusiaan
- ☐ C Mempercayai kehidupan dan kelahiran semula selepas mati
- ☐ D Mementingkan keharmonian hidup dengan alam semesta

4. Apakah kuasa yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Orang Asli suku Mah Meri?

Buku
Teks
ms. 81

- ☐ A Kuasa ghaib
- ☒ B Semangat laut
- ☐ C Semangat padi
- ☐ D Roh nenek moyang

5. Pilih pasangan yang betul.

Buku
Teks
ms. 83

	Etnik	Kepercayaan
A	Temiar	Puja Pantai
B	Bisaya	Kinorohingan
☒ C	Bajau	Ngeduang
D	Iban	Tamarok

6. Apakah kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan?

Buku
Teks
ms. 84

- ☐ A Agama wajib
- ☐ B Agama rasmi
- ☐ C Agama istimewa
- ☒ D Agama Persekutuan

7. Gambar berikut menunjukkan Masjid Kampung Laut, Kelantan.

Buku
Teks
ms. 86



Apakah keistimewaan seni bina masjid tersebut?

- ☒ A Ciri Alam Melayu
- ☐ B Masjid paling tua
- ☐ C Dibina oleh British
- ☐ D Identiti masyarakat Kelantan

8. Di manakah tempat ibadat penganut ajaran Tao?

Buku
Teks
ms. 87

- ☐ A Wat
- ☐ B Kuil
- ☒ C Tokong
- ☐ D Gurdwara

9. Apakah kepentingan menghormati amalan beragama dan berkepercayaan dalam masyarakat hari ini?

- ☐ A Rezeki melimpah
- ☐ B Menguatkan jati diri
- ☒ C Dapat hidup aman sejahtera
- ☐ D Menjaga nama baik keluarga

KBAT Menilai

10. Mengapakah kita mesti memahami adat ketika berada di rumah ibadat?

- I Menginsafi
- III Kesopanan
- II Keselesaan
- IV Menghormati
- A I dan II
- C II dan III
- B I dan IV
- ☒ D III dan IV


KBAT Menilai



Bahagian B

I. Padankan rumah ibadat berikut dengan agamanya yang betul. TP 2

Buku
Teks
ms.
86-88



[5 markah]

Bahagian C

I. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum menganuti pelbagai agama dan kepercayaan.

Buku
Teks
ms.
78-80

(a) Nyatakan **dua** agama yang dianuti oleh rakyat Malaysia. TP 1

(i) Agama Islam / Agama Kristian / Agama Buddha

(ii) Agama Hindu / Agama Sikh / Ajaran Konfusius / Ajaran Tao

[2 markah]

(b) Cadangkan cara-cara untuk memupuk perpaduan melalui kepelbagaian agama.



(i) Memahami / menghormati agama dan kepercayaan kaum lain.

(ii) Menghormati rumah ibadat agama lain.

(iii) Saling membantu / bertolak ansur.

[3 markah]



Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Skor
/ 50

Bahagian A [20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan idea pembentukan Malaysia.

Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

Siapakah yang mencadangkan idea tersebut?

- A Lord Brassey
 - B Ibrahim Haji Yaakob
 - C Malcolm MacDonald
 - ☒ D Tunku Abdul Rahman
2. Apakah hasil yang diperoleh daripada Referendum Singapura 1962?
- A Pemisahan Singapura dari Malaysia
 - B Pembentukan Suruhanjaya Cobbold
 - ☒ C Penyertaan Singapura dalam Malaysia
 - D Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia
3. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.

- Pemimpin Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)
- Terlibat dalam menandatangani Perjanjian Malaysia di London pada tahun 1963

Siapakah tokoh tersebut?

- A Tun Datu Mustapha Datu Harun
- B Tun Muhammad Ghazali Shafie

- C Tun Muhammad Fuad Stephens
- ☒ D Tun Temenggung Jugah anak Barieng

4. Mengapakah Indonesia menentang pembentukan Malaysia?

- A Akan kehilangan kekayaan
- ☒ B Mengancam kedudukan negaranya
- C Mendakwa Sabah sebahagian daripada wilayahnya
- D Membentuk Persekutuan dengan Sarawak dan Borneo Utara

5. Maklumat berikut berkaitan dengan asal usul sebuah negeri.

- Dikaitkan dengan nama pokok "mahang"
- Dikenali dengan Inderapura atau Pura dalam *Sulalatus Salatin*

Apakah negeri tersebut?


- A Perak
- ☒ B Pahang
- C Selangor
- D Pulau Pinang

6. Pilih pasangan yang betul.

	Negeri	Bandar diraja
A	Perlis	Kangar
B	Perak	Anak Bukit
☒ C	Johor	Bandar Maharani
D	Kedah	Pekan

Bahagian B
[20 markah]*Jawab semua soalan.*

1. Padankan tokoh berikut dengan parti politik pimpinan mereka.



[5 markah]

2. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul berkaitan dengan asal usul nama negeri.

- (a) Digelar Tanjong Penaga berdasarkan pokok penaga oleh orang Kedah.

☐ Perlis☒ Pulau Pinang

- (b) Disebut sebagai Ujong Tanah dalam naskhah *Sulalatus Salatin*.

☒ Johor☐ Melaka

- (c) Dikaitkan dengan pokok mentagau yang banyak terdapat di kuala sungai.

☒ Selangor☐ Pahang

- (d) Dikaitkan dengan taring besar seperti gading gajah atau binatang liar yang dijumpai di Pulau Duyong.

☐ Sabah☒ Terengganu

- (e) Bersempena dengan nama pokok tempat Parameswara berehat.

☒ Melaka☐ Negeri Sembilan

[5 markah]

4. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

(a) Penganut agama Kristian menjalankan ibadat di gurdwara pada hari Ahad.

X

(b) Penganut agama Islam percaya kepada Rukun Iman dan Rukun Islam.

✓

(c) Ajaran Tao mementingkan keharmonian hidup dengan alam semesta.

✓

(d) Masyarakat Orang Asli percaya bahawa serangan penyakit disebabkan oleh balasan terhadap perbuatan jahat.

X

(e) Di negara kita, agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

✓

[5 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Jawab semua soalan.

1. Rukun Negara diperkenalkan untuk mengukuhkan perpaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat.

(a) Nyatakan dua prinsip Rukun Negara.

(i) Kepercayaan kepada Tuhan / Kesetiaan kepada Raja dan Negara

(ii) Keluhuran Perlembagaan / Kedaulatan Undang-undang / Kesopanan dan Kesusilaan

[2 markah]

Ujian Akhir Sesi Akademik

Skor

/ 50

(UASA)

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Siapakah yang mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura?
A Lord Brassey
B Ibrahim Haji Yaakob
C Tun Abdul Razak Hussein
☒ D Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
2. Apakah suruhanjaya yang dibentuk bagi mendapatkan reaksi penduduk di Sabah dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia?
☒ A Suruhanjaya Cobbold
B Jawatankuasa Antara Kerajaan
C Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu
D Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia
3. Rajah berikut merujuk kepada sebuah negeri di Malaysia.

X



Terbentuk daripada gabungan sembilan buah luak pada tahun 1773.

Apakah X?

- A Perlis
- B Sarawak
- C Pulau Pinang
- ☒ D Negeri Sembilan

4. Ketua negeri manakah yang menggunakan gelaran Yang di-Pertua Negeri?
I Kedah
II Melaka
III Pulau Pinang
IV Negeri Sembilan
A I dan II
B I dan IV
☒ C II dan III
D III dan IV
5. Mengapakah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969?
☒ A Perbezaan fahaman politik
B Pengenalan ekonomi moden
C Petempatan yang tidak selesa
D Penghapusan ekonomi tradisional
6. Situasi berikut berkaitan dengan prinsip Rukun Negara.

Humairah memimpin nenek yang bertongkat sampai ke seberang jalan dengan selamat.

Apakah prinsip Rukun Negara yang diamalkan oleh Humairah?

- A Kepercayaan kepada Tuhan
- B Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- C Kedaulatan undang-undang
- ☒ D Kesopanan dan Kesusilaan

Bahagian B
[20 markah]

Jawab semua soalan.

I. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

Suruhanjaya Cobbold

Perjanjian Malaysia

Tun Temenggung
Jugah Anak Barieng

Tun Muhammad
Ghazali Shafie

Parti Negara
Sarawak (PANAS)

- (a) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengetuai perwakilan Persekutuan Tanah Melayu dalam Perjanjian Malaysia di London.
- (b) Tun Temenggung Jugah Anak Barieng ialah pemimpin Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) dan menganggotai JSKM.
- (c) Datu Bandar Abang Haji Mustapha ialah pemimpin Parti Negara Sarawak (PANAS) dan menyokong pembentukan Malaysia.
- (d) Tun Muhammad Ghazali Shafie memainkan peranan penting dalam pembentukan Malaysia, terutamanya semasa bertugas sebagai Ketua Setiausaha Tetap Kementerian Luar.
- (e) Tun V.T. Sambanthan meneliti draf laporan Suruhanjaya Cobbold bersama-sama Jawatankuasa Kabinet Persekutuan Tanah Melayu.

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Jawab semua soalan.

1. Rakyat Malaysia menganuti pelbagai agama dan kepercayaan.

(a) Nyatakan **dua** agama dan kepercayaan yang dianuti oleh rakyat Malaysia.

(i) Agama Islam / Agama Kristian / Agama Buddha

(ii) Agama Hindu / Agama Sikh / Ajaran Konfusius / Ajaran Tao

[2 markah]

(b) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menghormati kepelbagaian agama dan kepercayaan?

(i) Melahirkan masyarakat yang bersatu padu / perpaduan kaum.

(ii) Memupuk sikap saling menghormati antara kaum.

(iii) Mengekalkan keharmonian hubungan antara kaum.

(iv) Mengelakkan sebarang perselisihan faham antara kaum.

(v) Melahirkan masyarakat yang saling memahami dan bertoleransi.

[3 markah]

2. Kegiatan ekonomi negara yang melibatkan pelbagai sektor telah menyumbang kepada kemajuan negara.

(a) Nyatakan **dua** sektor industri yang merangsang kemajuan ekonomi negara.

(i) Industri getah dan kelapa sawit / Industri petroleum dan gas

(ii) Industri automotif / Industri pelancongan

[2 markah]

(b) Mengapakah kemajuan ekonomi penting bagi mengekalkan kemakmuran negara?

(i) Meningkatkan pendapatan negara.

(ii) Meningkatkan taraf hidup rakyat pelbagai kaum.

(iii) Menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

(iv) Membantu pembangunan dan kemajuan negara.

(v) Menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan rakyat.

[3 markah]

JAWAPAN



UNIT

1

Pembentukan Malaysia

1. (a) ✓
(b) ✗
(c) ✗
(d) ✓
(e) ✓
(f) ✗
2. (a) menjamin keselamatan negara
(b) mempercepat kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei
(c) mencapai keseimbangan kaum
(d) membangunkan sosioekonomi
3. (a) lawatan ke Sarawak
(b) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
(c) Suruhanjaya Cobbold
(d) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
(e) Referendum
(f) Perjanjian Malaysia
(g) United Nations Malaysia Mission (UNMM)
4. (a) (i) United Malays National Organisation (UMNO)
(ii) Perjanjian Malaysia
(b) (i) United National Kadazan Organization (UNKO)
(ii) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
(c) (i) Malayan Chinese Association (MCA)
(ii) Suruhanjaya Cobbold
(d) (i) United Sabah National Organisation (USNO)
(ii) penduduk Sabah
(e) (i) People's Action Party (PAP)
(ii) ideologi komunis
5. (a) Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara kita telah berusaha meyakinkan masyarakat tentang tujuan pembentukan Malaysia.
(b) Sarawak United People's Party (SUPP) menolak rancangan pembentukan Malaysia kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri yang terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.
(c) Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia kerana menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya.
(d) Filipina menentang pembentukan Malaysia kerana mendakwa Sabah merupakan sebahagian daripada wilayahnya.
6. (a) (i) Permuafakatan antara pemimpin negara membawa kejayaan.
(ii) Sistem demokrasi diamalkan.
(iii) Kebijaksanaan pemimpin mengatur strategi berjaya menjamin keamanan negara.
(iv) Membentuk perpaduan kaum.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

- (b) (i) Program pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.
(ii) Taraf hidup rakyat dapat dipertingkatkan.
(iii) Matlamat pembentukan Malaysia tercapai.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (c) (i) Pemimpin berwawasan.
(ii) Rakyat menguatkan jati diri.
(iii) Memelihara kedaulatan negara.
(iv) Mengeratkan perpaduan kaum.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

PRAKTIS SUMATIF 1

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. A | 2. A | 3. D | 4. D | 5. C |
| 6. B | 7. C | 8. B | | |

Bahagian B

1. (a) ✓
(b) ✗
(c) ✓
(d) ✗
(e) ✓

Bahagian C

1. (a) (i) Tunku Abdul Rahman / Tun Abdul Razak Hussein / Tun Muhammad Ghazali Shafie
(ii) Tun V.T. Sambanthan / Tun Datu Mustapha Datu Harun / Lee Kuan Yew
- (b) (i) Dapat menyalurkan maklumat dengan lebih berkesan.
(ii) Mendapat pandangan daripada pelbagai pihak.
(iii) Memelihara kepentingan bersama.
(iv) Mengamalkan demokrasi.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

UNIT

2

Negeri-negeri di Malaysia

1. (a) Perak
(b) Terengganu
(c) Kedah
(d) Sarawak
(e) Johor
(f) Selangor
2. (a) raja
(b) sultan
(c) sultan
(d) Yang di-Pertuan Besar
(e) Yang di-Pertua Negeri



3. (a) Kangar ; Arau
(b) Alor Setar ; Anak Bukit
(c) Ipoh ; Kuala Kangsar
(d) Shah Alam ; Klang
(e) Johor Bahru ; Bandar Maharani
(f) Kuantan ; Pekan
(g) Seremban ; Seri Menanti
4. (a) Ipoh
(b) Kuala Kangsar
(c) (i) Ibu negeri merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri.
(ii) Ibu negeri menjadi tempat tumpuan pekerjaan.
(iii) Terdapat warisan sejarah di bandar diraja.
(iv) Memelihara dan menghargai warisan sejarah negara.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (a) Selamat Sultan
(b) Ibu Pertiwiku
(c) Untuk Negeri Kita
(d) Melaka Maju Jaya
(e) Sabah Tanah Airku

6. (a) (i) Lambang kemegahan negeri.
(ii) Menumpukan taat setia kepada raja dan negara.
(iii) Meningkatkan semangat patriotisme.
(iv) Memelihara identiti negeri.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)
- (b) (i) Memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan.
(ii) Menggalakkan interaksi penduduk antara negeri.
(iii) Menganjurkan aktiviti yang merentasi negeri.
(iv) Menggalakkan persefahaman melalui persembahan budaya.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

PRAKTIS SUMATIF 2

Bahagian A

1. C 2. C 3. A 4. D 5. D
6. A 7. A 8. B 9. C 10. A

Bahagian B

1. (a) Perak (d) Negeri Sembilan
(b) Perlis (e) Pulau Pinang
(c) Kelantan

Bahagian C

1. (a) (i) Pulau Pinang
(ii) Melaka / Sabah / Sarawak
(b) (i) Simbol perpaduan.
(ii) Lambang kemegahan rakyat.

- (iii) Mengukuhkan jati diri rakyat.
- (iv) Tanda kesetiaan rakyat.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

UNIT

3

Rukun Negara

1. (a) Majlis Gerakan Negara
(b) Jawatankuasa Rukun Negara
(c) Yang di-Pertuan Agong Keempat
(d) ke-13
(e) ideologi
2. (a) jurang
(b) pertanian sara diri ; perlombongan ; perladangan
(c) kampung ; bandar ; ladang
(d) berkurangan
(e) renggang
(f) rusuhan kaum
3. (a) (i) perpaduan
(ii) demokrasi
(iii) adil
(iv) liberal
(v) progresif
(b) (i) Kepercayaan kepada Tuhan
(ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara
(iii) Keluhuran Perlembagaan
(iv) Kedaulatan Undang-undang
(v) Kesopanan dan Kesusilaan
4. (a) menghormati amalan keagamaan masyarakat lain dan menyatupadukan masyarakat berbilang kaum.
(b) masyarakat yang patriotik dan bersatu padu.
(c) rakyat mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan negara.
(d) menjamin keharmonian dan keselamatan negara.
(e) harmoni serta saling memahami dan bekerjasama antara satu sama lain.
5. (a) Membentuk masyarakat yang patuh akan ajaran agama, mempunyai sikap rendah diri dan sentiasa bersyukur serta mengelakkan perasaan dengki, rasuah dan keruntuhan moral.
(b) Melahirkan masyarakat yang taat setia dan sanggup berkorban demi negara serta menghormati lambang kedaulatan negara seperti Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu *Negaraku*.
(c) Membimbing rakyat daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang menggugat keselamatan negara. Kepatuhan terhadap undang-undang mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.
(d) Masyarakat mengamalkan semangat permuafakatan dan bersikap toleransi. Rakyat juga dibimbing memahami dan menghormati budaya kaum lain.
(e) Memupuk masyarakat agar mempunyai nilai kesopanan yang tinggi dan berbudi pekerti serta mewujudkan hubungan yang harmoni dan saling menghormati.
(f) Membentuk individu yang mempunyai integriti serta menghindarkan diri daripada melakukan amalan negatif.